

Headline	PHM 2014 tonjolkan potensi herba		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	40,000
Page No	42	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	126 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,916
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,749



PHM 2014 tonjolkan potensi herba

PAMERAN Herba Malaysia (PHM) 2014 anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) menarik minat usahawan dan pengguna untuk mendapatkan pelbagai maklumat herba, produk, demonstrasi masakan herba dan pengetahuan tradisi.

Program tiga hari ini bermula 23 Mei lalu di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur turut mengadakan Seminar Pemuliharaan dan Pemerkasaan Pengetahuan Tradisi dengan tema "Melestari Legasi Pengetahuan Tradisi."



Palanivel (dua, kanan) ketika melancarkan buku mengenai tumbuhan ubatan Orang Semai.

Majlis pelancaran PHM disempurnakan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel.

Pada masa sama, beliau turut melancarkan buku bertajuk *Memartabatkan Pengetahuan Tradisi Tumbuhan Ubatan dan Beraroma Orang Asli Semai* terbitan Frim.

Menurutnya, industri herba dikenal pasti sebagai sumber pertumbuhan ekonomi negara.

Industri herba kini dikatakan mengalami proses evolusi daripada skala kecil-kecilan di belakang rumah kepada bernilai bilion ringgit.